



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 14 Feb 2025.

Untuk Terbitan Media

14 Februari 2025

SIARAN MEDIA

5,000 PELUANG PEKERJAAN, TEMU DUGA TERBUKA SPA DI KARNIVAL KERJAYA MFJ

KUALA LUMPUR – Temu duga terbuka bagi jawatan di sektor awam, selain 5,000 kekosongan di sektor swasta bakal ditawarkan sempena Karnival Kerjaya MYFutureJobs (MFJ).

Karnival dua hari yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) dari 15 hingga 16 Februari ini, anjuran bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) diadakan selari tekad Kerajaan Madani ke arah merancakkan pasaran buruh negara.

Menurut kenyataan dikeluarkan PERKESO, antara yang menarik pengisian program kali ini adalah sesi temu duga terbuka bagi jawatan Pengajar Gred U9 (Teknologi Pergigian) julung kali diadakan dan dibawakan oleh MYFutureJobs (MFJ), demi meningkatkan kadar pengisian kekosongan jawatan tersebut dalam sektor awam secara lebih fleksibel.

Calon yang berjaya dalam temu duga terbuka bagi jawatan berkenaan dilantik bersandarkan kelulusan kekosongan jawatan di Kementerian Kesihatan (KKM) di seluruh negara.

Menerusi karnival kerjaya sama, SPA juga akan mengadakan Ujian Kecergasan dan Pemeriksaan Fizikal (UFPK) secara terbuka bagi mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan klasifikasi jawatan Keselamatan dan Pertahanan Awam (K).

“Melalui kerjasama ini, sesi temu duga akan dijalankan secara lebih berkesan melalui saluran yang mudah diakses, sekali gus menjimatkan masa dan menangani sebarang kerentan birokrasi.

“Malah, keperluan pasaran buruh negara berupaya dipenuhi apabila dipadankan dengan potensi pencari kerja, manakala segala hebahan maklumat dibuat menerusi sistem digital,” jelas PERKESO dalam kenyataan, hari ini.

Dalam pada itu, sebanyak 30 majikan sektor swasta dan badan berkanun terlibat, antaranya Habib Group, IHH Healthcare Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Chong Group, GHL System, Agro Bank, Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA), Bank Islam serta AEON Co. (M) Berhad, secara keseluruhannya menyediakan 5,000 kekosongan jawatan.

Jawatan terbaik seperti Pengurus Kewangan Perniagaan, Pengurus Kumpulan Kewangan, Pengarah Jualan dan Konsultan Teknikal pula menawarkan gaji lumayan berkadar antara RM13,000 hingga RM15,999.

Untuk rekod, MFJ seliaan PERKESO melaksanakan 4,156 karnival kerjaya dan temu duga sepanjang tahun lalu, dengan 53,327 individu berjaya mendapat pekerjaan.

Untuk keterangan lanjut, anda boleh layari laman web www.myfuturejobs.gov.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

14 Februari 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my